

Najib kata penyokong pembangkang halang kenderaannya
Malaysiakini.com
Apr 28, 2007

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kenderaannya dan empat kenderaan pengiring lain dihalang oleh sekumpulan lelaki memakai baju dan lencana Parti Keadilan Rakyat (PKR), di satu laluan masuk ke satu saluran undi di Jaya Setia pada jam 10.30 pagi ini.

Najib dan rombongannya dalam perjalanan untuk melihat proses pengundian dan melawat pondok-pondok Barisan Nasional (BN).

"Insiden ini tak sepatutnya berlaku kalau pihak-pihak ini menghormati undang-undang negara dan mengamalkan demokrasi.

"Kenapa mereka patut halang sesiapa masuk ke pondok panas BN," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Najib yang ditemani oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam dan Naib Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin terperangkap hampir 10 minit.

Berikutan itu, Najib dan rombongannya mengalah dan memasuki ke laluan lain ke saluran undi itu, sambil disorak oleh kumpulan lelaki berkenaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66597>